مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (9)**
**Tarikh: 6 Februari 2024**

**MBPJ BERI SUMBANGAN TUNAI KEPADA 60 PENERIMA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Majlis Sumbangan Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Tahun 2024 pada 5 Februari 2024 bertempat di Kompleks Sukan ARENA Petaling Jaya.

Seramai 60 penerima dari kalangan keluarga b40 berkelayakan yang dipilih melalui data e-kasih seluruh kawasan di Petaling Jaya dari kalangan golongan b40 berpendapatan RM2,000 ke bawah yang terdiri daripada ibu tunggal, warga emas, keluarga anak ramai, keluarga yang mempunyai anak oku dan golongan yang layak menerima bantuan.

Program ini juga selaras dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dalam tema strategi kedua iaitu (Peningkatan Kesejahteraan Dan Keterangkuman Sosial) yang sentiasa menjadi salah satu aspek terpenting dalam fasa pembangunan Negeri Selangor. Selain itu, ia juga sebagai salah satu khidmat komuniti Majlis kepada penduduk di kawasan Petaling Jaya selaras dengan agenda PJSSR 2030 di dalam *Thematic Inclusive City.*

Memandangkan ia memberi impak secara langsung kepada rakyat, tumpuan yang lebih diberikan untuk membantu dan mendaya upaya golongan rentan terutamanya yang kurang berkemampuan untuk memastikan pembangunan sosial yang terangkum.

Diharapkan dengan sumbangan sebanyak RM300.00 yang diberikan ini dapat meringankan beban atau tanggungan penerima seterusnya membantu mereka untuk membuat persiapan bagi menyambut perayaan Tahun Baru Cina 2024 nanti.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (10)**
**Tarikh: 8 Februari 2024**

## MBPJ ADAKAN SESI CABUTAN UNDI DAN PENYERAHAN PERMIT BAZAR RAMADHAN ‘DIGITAL & CLEAN” 2024.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan 19 lokasi Bazar Ramadhan melibatkan 1243 petak mengikut zon tahun ini. Sesi cabutan undi petak bazar ramadhan MBPJ bagi tahun 2024 diadakan pada 8 februari 2024 di Dewan Sivik Petaling Jaya.

Bertemakan ***digital & clean***, ianya selari dengan saranan Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan penggunaan *Internet Of Thing* (IOT) terutama di dalam sektor mikro.

Seiring dengan aspirasi tersebut MBPJ sentiasa menekankan berkaitan urusniaga tanpa tunai atau *“cashless”* untuk meningkatkan penerimagunaan teknologi digital yang meluas dalam kalangan masyarakat kerana ia lebih praktikal dan selamat. Inisiatif ini juga adalah antara kempen promosi dan kesedaran yang jalankan oleh MBPJ bagi memacu peralihan kepada pembayaran tanpa tunai seterusnya memacu transformasi digital Negeri Selangor mencapai pembangunan ekonomi digital yang mampan.

Hari ini juga, kesemua usahawan mikro ini telah diberikan taklimat dan perkongsian tentang **kuasai ilmu kejuruteraan makanan menu di bulan Ramadhan, pembiayaan skim i-bermusim bagi peniaga bazar ramadhan dan aidilfitri dan kepentingan pengendalian makanan.**

Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Strategik Pembangunan Usahawan 2021-2030 yang telah diperkenalkan pada tahun 2021 selari dengan *Thematic Economically Vibrant City: PJ Smart, Sustainable & Resilent 2030 (PJSSR 2030)* Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030. .

Majlis juga komited dalam mentransformasikan usahawan-usahawan mikro di Petaling Jaya melalui bimbingan dan kursus yang diadakan sepanjang tahun 2024 antaranya bengkel berkenaan ‘menu engineering” yang akan diadakan pada 4 Mac 2024 tanpa sebarang bayaran dikenakan kepada peserta-peserta program ini nanti.

Bagi kerja-kerja pembersihan bazar ramadhan tahun 2023 Majlis telah membelanjakan sejumlah RM 60,000.00. Justeru, kesemua bakal usahawan mikro juga dinasihatkan untuk bersama-sama dengan pihak Majlis menjaga kebersihan bandaraya ini dengan lebih baik. Sebagai contoh, akibat dari sikap sambil lewa dengan membuang sampah atau sisa ke longkang akan mengakibatkan pelbagai masalah antaranya masalah longkang tersumbat, banjir kilat, pembiakan nyamuk aedes dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan memastikan semua lokasi bazar ramadhan pada tahun ini berada dalam keadaan terbaik tanpa sebarang aduan berkenaan kebersihan.

Majlis ingin mengingatkan kepada semua usahawan-usahawan mikro supaya mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis agar dapat menepati piawaian yang lebih tinggi kepada bazar-bazar ramadhan di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (11)**
**Tarikh: 20 Februari 2024**

**KONTINJEN MBPJ BURU KEJUARAAN BERGANDA DI KEJOHANAN SUKAN MALA 2024**

Seramai 80 pegawai, termasuk pemain dan urusetia akan memulakan cabaran pasukan MALA MBPJ di Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) 2024 yang akan bermula pada 22 hingga 25 Februari 2024 di negeri Melaka Bandaraya Bersejarah.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon berkata, kejohanan tahun ini dibahagikan kepada empat fasa iaitu fasa pertama bermula pada 22 hingga 25 Februari melibatkan 4 acara sukan iaitu golf, futsal, dart, sepak takraw dan hoki 7 sebelah.

'Fasa kedua pada 2 hingga 5 Mei 2024 melibatkan 2 sukan iaitu boling padang dan ragbi yang berlangsung di Ipoh, Perak. Fasa ketiga pada 1 hingga 4 April melibatkan 4 sukan iaitu badminton, karom, pingpong dan '*treasure hunt'* yang berlangsung di Melaka dan fasa keempat pada 7 hingga 10 November 2024 melibatkan 2 sukan sahaja iaitu bola sepak dan bola jaring."

Tambah beliau lagi, MBPJ akan menyertai ke semua acara yang dipertandingkan dengan jumlah keseluruhan pegawai, pemain serta urusetia seramai 250 orang pada kejohanan tahun ini.

"Saya menaruh harapan tinggi untuk menjadi juara keseluruhan tahun ini dan ianya mampu direalisasikan sekiranya setiap atlet mampu fokus, berfikiran positif, mempunyai keyakinan yang tinggi dan tidak bersikap menyerah kalah." Mohamad Zahri dalam ucapannya turut menyeru semua atlet supaya sentiasa memfokuskan usaha terhadap matlamat kejayaan yang telah disasarkan.

Beliau percaya sekiranya semua atlet sentiasa fokus kepada kejayaan, kejayaan akan menjadi milik MBPJ.

Untuk rekod MBPJ telah menjadi johan keseluruhan Kejohanan MALA tahun 2022 lalu dan kini menjadi misi utama kontinjen MBPJ untuk mempertahankan kejuaran yang dimenangi di kejohanan lalu.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (12)**
**Tarikh: 24 Februari 2024**

## KEMPEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PERMUDAH URUSAN PENDUDUK

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif mengadakan kempen bayaran cukai taksiran di kawasan PJS 8/2, berhampiran McDonald's Sunway Mentari, bagi memudahkan penduduk untuk menjelaskan bayaran serta tunggakan cukai berkenaan.

Kempen selama dua hari bermula pada 24-25 Februari 2024 (Sabtu-Ahad) pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang menawarkan khidmat nasihat serta rundingan mengenai kaedah pembayaran tunggakan cukai taksiran. Selain itu, orang awam juga membuat semakan bil cukai taksiran dan membuat pertukaran nama serta alamat surat menyurat di kaunter-kaunter yang disediakan.

Mengikut rekod, jumlah tunggakan Cukai Taksiran keseluruhan di kawasan PJS adalah berjumlah RM8,074,006.23 melibatkan 11,796 pegangan. Daripada jumlah tersebut, RM727,050.82 merupakan tunggakan bagi kediaman kos rendah manakala baki RM7,346,955.41 tunggakan bagi pegangan selain kos rendah.

Tarikh akhir pembayaran Cukai Taksiran bagi penggal Januari - Jun 2024 akan berakhir pada 29 Februari 2024. Oleh itu, Majlis menggalakkan orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran untuk mengambil kesempatan menjelaskan bayaran Cukai Taksiran semasa dan tertunggak sepanjang tempoh 2 hari kempen diadakan.

Majlis juga menyediakan cenderahati kepada pembayar yang menjelaskan cukai taksiran untuk tempoh setahun sebagai galakan dan penghargaan kepada pembayar yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (13)**
**Tarikh: 25 Februari 2024**

**MBPJ SUMBANG BAUCAR BELI KEPERLUAN SEKOLAH KEPADA 60 KELUARGA B40**

Prihatin dengan keluarga yang berpendapatan dibawah Paras Garis Kemiskinan (PGK 2019), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengajurkan program ‘Jom Shopping Kembali Ke Sekolah’ di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Program yang diadakan di Pasar Raya Besar Mydin Subang Jaya hari ini merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial daripada MBPJ kepada komuniti Petaling Jaya yang memerlukan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Haji Mohamad Zahri Haji Samingon telah menyerahkan baucar bernilai RM300 kepada 60 keluarga terpilih untuk membeli peralatan sekolah seperti pakaian seragam, kasut dan alat tulis.
Mohamad Zahri berkata, sumbangan itu diharap dapat meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan tetapi mempunyai tanggungan anak bersekolah yang ramai.

Katanya, program seperti ini secara tidak langsung dapat membentuk modal insan cemerlang dalam pendidikan tanpa anak-anak berkenaan berasa terpinggir dengan ketidakmampuan keluarga. Selain daripada itu, program ini menyokong Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dibawah Tema Strategi 2 iaitu memperkasa sokongan kebajikan sosial yang disasarkan kepada kumpulan rentan.

Pada masa yang sama, program ini juga menyokong inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak dengan memberikan hak kepada kanak-kanak (child rights) untuk mengakses kepada pendidikan (access to education).

"Penerima sumbangan itu membabitkan penduduk yang berdaftar di bawah eKasih iaitu melibatkan mereka yang mendiami PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Desa Mentari," katanya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :
**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (14)**
**Tarikh: 28 Februari 2024**

**MBPJ TAJA ATLET LARIAN MENARA, BANTU KEKALKAN KEJUARAAN.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan atlet pelari menara nombor satu dunia Soh Wai Ching bagi mempromosi bandar raya ini kepada masyarakat dunia.

Melalui MoU yang ditandatangani hari ini, MBPJ memberikan tajaan sejumlah RM75,000 kepada Soh Wai Ching bagi meneruskan penyertaan beliau di peringkat antarabangsa dan seterusnya mengekalkan kejuaraan yang disandang sebelum ini.

Tujuan MoU diadakan bertujuan untuk mempromosikan Bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan dan pada masa menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah destinasi pelancongan yang boleh dilawati oleh pengunjung seluruh dunia yang menyediakan lokasi-lokasi pelancongan menarik, kepelbagaian jenis makanan dan kemudahan-kemudahan lain kepada pengunjung.

Bandar Raya Petaling Jaya juga dijadikan Pusat Latihan Larian Menara yang ulung untuk melatih anak-anak muda Petaling Jaya menceburi bidang ini dan melahirkan ramai atlet jaguh larian menara daripada anak jati Petaling Jaya.

Persetujuan bersama MoU yang ditandatangani hari ini bagi memastikan syarat-syarat dan terma bersama yang perlu dipenuhi seperti berikut:-

a) Sentiasa memakai baju/jersi berlogo MBPJ pada setiap pertandingan larian menara di dalam dan di luar negara, di setiap sesi temu ramah dalam dan di luar negara;
b) Membawa bendera MBPJ dan slogan "*Petaling Jaya Love You*" di setiap sesi penyampaian hadiah selepas pertandingan, dan di setiap ceramah kepada mana-mana pihak;
c) Menghadiri dan memberi 3 sesi ceramah motivasi dianjurkan oleh MBPJ ke sekolah di kawasan Petaling Jaya;

d) Menjadi duta rasmi kepada MBPJ dan sentiasa mempromosikan MBPJ kepada orang ramai; dan
e) Perlu memberi keutamaan kepada MBPJ dalam penyiaran setiap aktiviti di semua media sosial yang digunakan berkaitan dengan aktiviti yang ditaja.

Terdahulu pada September 2022 pihak Majlis telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan beliau bagi menaja penyertaan beliau ke kejohanan larian menara di seluruh dunia sebanyak RM100,000 bermula 1 Ogos 2022 sehingga 31 Julai 2023. Sepanjang tempoh penajaan tersebut, beliau telah menyertai banyak kejohanan dunia dan tempatan antaranya:

a) 1 Ogos – 31 Disember 2022 - Sebanyak 10 acara larian menara di 7 buah negara telah disertai dan memenangi ke semua larian dengan memecahkan 6 rekod litar.
b) 1 Januari – 31 Julai 2023- Sebanyak 20 acara larian menara di 9 buah negara dan memenangi 19 acara dan memecahkan 13 rekod litar.

Selepas ini soh wai ching akan menyertai beberapa kejohanan larian menara dalam dan juga luar negara antaranya:

a) 16 Mac - *Bieg Na Szczyt* (Warsaw, Poland);
b) 31 Mac - *Teletorni Trepijook* (Tallinn, Estonia);
c) April - *International Vertical Marathon* (China);
d) 4 Mei - *Towerrunning World Championship At Taipei 101 International Vertical Marathon;*
e) 2 Jun - *Tunnel To Towers Tower Climb* (New York) ;
f) 8 Jun - *Dc Tower Run* (Vienna, Austria) dan lain-lain pertandingan.

Diharapkan kerjasama ini akan menjadi suntikan semangat baharu untuk Soh Wai Ching terus melakar lebih banyak kejayaan besar di masa akan datang seterusnya memahat nama MBPJ ke persada dunia.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695